

KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH KALI KE-597 BIL.3/2024
26 MAC 2024

**1) PELANTIKAN EMPAT (4) ORANG PEGAWAI KUMPULAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik empat (4) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Pelantikan sebagai Pegawai Tadbir (N41) yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2024. Pegawai-pegawai P&P tersebut adalah Encik Sofian bin Shaari di Jabatan Pelesenan. Berkelulusan Ijazah Sains Kemasyarakatan daripada Universiti Sains Malaysia dan berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Tadbir Kanan Gred N36 di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Pegawai P&P yang kedua adalah Puan Roslenda binti Che Ibrahim di Jabatan Perhubungan Komuniti. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengurusan daripada Universiti Sains Malaysia dan berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Tadbir Kanan (KUP) Gred N32 di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Seterusnya pegawai P&P yang baru dilantik adalah Encik Muhamad Zulikqam bin Zulkifli di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia. Berkelulusan Sarjana Muda Pengurusan Awam daripada Universiti Utara Malaysia. Juga berpengalaman sebagai Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 di Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Dan Pegawai P&P seterusnya yang baru dilantik adalah Encik Kamarulzaman bin Elias, ditempatkan di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran. Berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengurusan Pusat Sumber daripada Universiti Teknologi MARA. Berpengalaman sebagai Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak) di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

2) MAJLIS ANUGERAH APRESIASI STRATA SEBERANG PERAI 2024 “APRESS 2024”

Untuk makluman, Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) MBSP, merancang untuk mengadakan Majlis Anugerah Apresiasi Strata Seberang Perai 2024 “APRESS 2024”. Majlis Anugerah Apresiasi ini diadakan untuk memberi pengiktirafan terhadap prestasi cemerlang pengurusan oleh Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) serta Pemilik Petak Terhadap Komuniti Berstrata di kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai dan juga bersempena sambutan Hari Majlis Bandaraya Seberang Perai bagi tahun 2024.

Tempoh masa penilaian dan pemarkahan adalah mulai bulan Mac 2024 hingga Ogos 2024. Penyertaan adalah daripada keseluruhan JMB/MC bagi bilangan 11 petak ke atas bagi kategori kos sederhana rendah dan kos rendah dalam pembangunan dan pengurusan strata di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Hadiah Anugerah adalah seperti berikut:

Kategori kos rendah

- i. Tempat Pertama – RM 3,000
- ii. Tempat Kedua – RM 2,000
- iii. Tempat Ketiga – RM 1,000

Kategori Kos Sederhana Rendah

- i. Tempat Pertama – RM 3,000
- ii. Tempat Kedua – RM 2,000
- iii. Tempat Ketiga – RM 1,000

Cenderahati dan Plaque untuk pemenang: RM150.00 x 6 unit

Sijil dan Piala untuk Anugerah Khas Pesuruhjaya Bangunan

Tarikh cadangan APRESS 2024 adalah pada 21 September 2024 (Sabtu). Jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang, bertempat di Auditorium, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Objektif utama program ini diadakan adalah seperti berikut:

- a. Memberi pengiktirafan secara formal kepada Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang telah mencapai kecemerlangan dalam pengurusan bangunan di kawasan masing-masing ;
- b. Menyumbang terhadap peningkatan kualiti dalam pengurusan dan penyenggaraan kawasan berstrata;
- c. Memberi maklum balas kepada Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) untuk meningkatkan usaha-usaha penambahbaikan dalam pengurusan dan penyenggaraan serta penyampaian perkhidmatan kepada penduduk bangunan berstrata;
- d. Menggalakkan persaingan sihat di antara Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) ke arah meningkatkan kualiti pengurusan dan sistem penyampaian perkhidmatan kepada penduduk bangunan berstrata; dan

- e. Memberi publisiti tentang *best practices* pengurusan JMB & MC untuk diteladani.

Sebarang pertanyaan berkaitan program ini boleh menghubungi Jabatan Pesuruhjaya Bangunan di talian 04-5497789 atau 787.

3) OPERASI PENGUATKUASAAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

Operasi penguatkuasaan kutipan cukai taksiran akan dijalankan bermula **22 April 2024** bagi premis-premis yang belum menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama 2024.

Pemilik premis diminta untuk membuat bayaran dengan kadar **SEGERA** bagi mengelakkan harta alih anda dari disita. Bayaran cukai taksiran boleh dibuat **secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai, melalui kiosk atau agensi kutipan** yang telah dilantik MBSP serta di kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan Jawi.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di waran@mbsp.gov.my.

4) SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 1445H

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri 1445H kepada seluruh penduduk Seberang Perai yang beragama Islam. Sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini dijangka pada 10 April 2024 (Rabu), bersamaan 1 Syawal 1445H. Cuti umum bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri di Negeri Pulau Pinang adalah pada 10 dan 11 April 2024. Selamat bercuti dan berhati-hati di jalanraya semasa musim perayaan ini. Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai

supaya menjaga kesehatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

SEKIAN, TERIMA KASIH.